

pemain-pemain silat di negara-negara Barat itu mempelajari daripada perguruan di Indonesia dan mereka memanggil seni mempertahankan diri yang berasal dari rumpun Melayu itu, sebagai 'pencah silat'.

Encik Johari memerhatikan, pada dasarnya permainan dan gerak langkah mereka adalah sama, mengikut prinsip-prinsip silat.

"Cuma bezanya, mereka tidak selembut pesilat-pesilat kita. Gerak langkah mereka lebih kasar, mungkin kerana badan mereka lebih besar," kata beliau.

Tentang prestasi pemain-pemain dari Singapura pula, beliau berkata, mereka telah menunjukkan permainan yang memuaskan kerana telah berjaya ke peringkat akhir. Tetapi kurang bernasib baik kerana tidak dapat menewaskan pesilat-pesilat dari Indonesia yang menjadi penentang mereka.

Untuk meningkatkan prestasi mereka terutama dalam menghadapi pesilat-pesilat Barat, Encik Johari berkata, pesilat-pesilat Singapura harus memperteguh fizikal mereka.

"Mereka harus mempunyai stamina yang kuat untuk menentang pesilat-pesilat Barat yang berbadan besar dan tegap. Ini lebih sulit daripada menghadapi pesilat-pesilat dari Indonesia walaupun mereka adalah pesilat-pesilat matang.

"Selain itu, mereka juga perlu menguatkan mental mereka supaya tidak akan 'kalah badi' apabila bertentangan dengan pesilat-pesilat Barat yang berbadan besar," tambahnya.

Selaras dengan usaha ini, katanya, Persisi, juga merancang untuk menyusun semula skuad pesilatnya dalam bahagian olahraga dan kesenian.

Ini adalah sebagai persiapannya untuk mengiriskan lapan wakil pesilat ke pertandingan anjuran Ikatan Pencak Silat Indonesia di Sumatera pada Disember ini.

### Wasit

Pesilat-pesilat Singapura yang telah mengambil bahagian dalam kejuaraan di Vienna itu ialah Raja Ahmad Raja Yusof, Iskandar Muda, Azrin Ra-



● SEORANG pesilat Sepanyol dengan berpakaian Melayu, menunjukkan sejenis Silat Harimau.



● WANITA juga tidak ketinggalan menunjukkan kebolehan mereka dalam kejuaraan itu. Di antara mereka ialah Kasungah Diana dari Belanda dan I Nyoman Suwirtiningsih dari Indonesia yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan Silat Olahraga.

him, dan Zahri Hasar.

Turut mengiringi ialah Encik Shukor Rais, yang telah menjadi wasit atau juri antarabangsa bagi ke-

johan silat tersebut.

Kejohanan silat antarabangsa yang akan diadakan pada 1988 mungkin akan diadakan di Malaysia atau Sepanyol.